

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Suruhjaya Syarikat Malaysia yang dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dan masih dibenarkan untuk menyertai sebut harga seperti berikut:-

PERKARA	KELAYAKAN
PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN PENYELENGGARAAN DI BALAI RAKYAT BAYAN BARU PULAU PINANG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)
Taklimat: 10 November 2014 [Isnin] jam 10.00 pagi, Stadium Bandaraya, Pulau Pinang [Waktu pendaftaran mulai 9.00 pagi]	
Harga Dokumen : RM10.00 senaskah	
Tarikh Tutup : 17 November 2014 [Isnin] jam: 11.00 pagi	

2. Syarikat diwajibkan menghadiri taklimat sebelum membeli dokumen sebut harga. Syarikat yang tidak menghadiri taklimat atau hadir selepas masa pendaftaran tidak layak mengambil bahagian dalam sebut harga ini.
3. Syarikat perlu berdaftar dengan Sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui laman web ep.penang.gov.my untuk menyertai sebut harga. Dokumen sebut harga dijual secara 'on-line' melalui laman web tersebut dan perlu dibeli serta dimuat turun (download) melalui akaun ePerolehan masing-masing sebagai pengesahan pembelian.
4. Dokumen meja boleh dilihat di Kaunter Urusetia Tender, Jabatan Korporat, Tingkat 17, KOMTAR pada waktu pejabat [9.00 pagi – 4.00 petang].
5. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Kaunter Penerangan, MPPP, Tingkat 3, KOMTAR, Pulau Pinang sebelum jam 11.00 pagi pada tarikh tutup yang berkenaan. Pertimbangan tidak akan diberi kepada sebut harga yang lewat diterima.
6. Syarikat yang menyertai sebut harga adalah dibenarkan untuk menyaksikan pembukaan sebut harga pada tarikh dan masa tutup yang ditetapkan. Pengumuman harga hanya akan di baca bagi sebut harga yang bersesuaian sahaja tertakluk kepada kebenaran/justifikasi Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga.
7. Syarikat yang menyertai sebut harga diwajibkan melengkapkan Surat Akuan Pembida.
8. Salinan sijil pendaftaran daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia hendaklah disertakan bersama dengan dokumen sebut harga.
9. Majlis tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling terendah harganya atau sebarang sebut harga.